

Ruj Kami : AIM/ UJAW 300-01/06- (45)
Tarikh : 04hb Oktober 2011

**SEMUA PENYELIA BAHAGIAN / JABATAN / UNIT,
PENGARAH KEWANGAN MIKRO BANDAR,
SEMUA PENGURUS WILAYAH**

Tuan /Puan,

**KEMASKINI HURAIAN TUGAS / KECEKAPAN OPERASI UNTUK PRESTASI TAHUN
2011 (KAKITANGAN DALAMAN)**

Dengan hormatnya kami merujuk perkara di atas.

2. Bersama - sama ini disertakan borang Kecekapan Operasi Kakitangan tahun 2010 untuk kakitangan dalaman di bawah seliaan tuan/puan sebagai rujukan bagi mengemaskini borang Kecekapan Operasi untuk penilaian prestasi tahun 2011.
3. Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan/puan diperlukan untuk menyemak dan mengemaskini borang Kecekapan Operasi bagi semua kakitangan di bawah seliaan tuan/puan sepanjang tahun 2011. Bagi kakitangan yang dilantik ke jawatan baru dan berpindah unit/wilayah, tuan/puan juga dikehendaki melengkapkan borang Kecekapan Operasi untuk kakitangan tersebut. [Borang Kecekapan Operasi](#) dan [Contoh Borang Kecekapan Operasi](#) yang lengkap diisi boleh didapati dari laman web <http://www.aim.gov.my>.
4. Tuan/puan dikehendaki meletakkan nilai markah wajar pada borang Kecekapan Operasi berdasarkan pemberat/beban kerja yang dipertanggungjawabkan kepada kakitangan dalam melaksanakan tugas masing-masing.
5. Borang-borang yang telah lengkap dan disahkan oleh tuan/puan hendaklah dihantar semula ke Unit Perjawatan sebelum atau pada 28hb Oktober 2011.
6. Kerjasama dan tindakan segera tuan/puan amat diperlukan demi memastikan kelancaran proses penilaian prestasi ini. Sebarang pertanyaan hendaklah diajukan terus kepada **Unit Perjawatan untuk perhatian Puan Faizah Zahari**.

Sekian, Terima Kasih.

**“ Membantu Keluarga Miskin Berikhtiar Menambah Rezeki ”
“Kesempurnaan Kualiti Kecemerlangan Organisasi”**

Yang diamanahkan,

(SAAD ISHAK)
Penolong Pengarah Perjawatan

s.k Pengarah Urusan
Pengarah Kewangan & Pentadbiran
Pengarah Pinjaman & Operasi
Timbalan Pengarah Pentadbiran & Sumber Manusia